



كمنتريين كصيحتن

KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

## FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQs) ON IMPLEMENTATION OF THE SECOND ROUND OF TRANSMISSION ASSESSMENT SURVEY (TAS-2) IN PRIMARY SCHOOLS IN BRUNEI DARUSSALAM 2025

### 1. What is Lymphatic Filariasis (LF)?

Lymphatic Filariasis (LF) is an infection caused by thread-like parasitic worms called filarial worms which are transmitted to humans through mosquito bites.

### 2. Does this disease affect a lot of people?

LF is a significant public health concern. Over 657 million people worldwide remain threatened by this disease. In Brunei Darussalam, several cases of LF disease are detected each year in all four districts, with an increase in the number of cases in recent years.

### 3. What are the signs and symptoms of LF?

LF affects the lymphatic system and can cause abnormal swelling of the body part especially arms and legs. Complications from the infection may result in conditions such as lymphoedema (swelling of limbs) and hydrocele (swelling of the scrotum) which can lead to severe disability and permanent loss of function. This can have a significant impact on the health status of the affected individuals.

### 4. Is there any treatment for LF?

Medicines are available to reduce the number of parasites in the blood and help stop the spread of infection. However, if complications such as lymphoedema or hydrocele develop, these may require surgery or long-term care.

### 5. Can this disease be eliminated?

LF can be eliminated. Since 2000, the World Health Organization (WHO) has been leading a global initiative to stop the spread of the disease through various activities including mass drug administration (MDA). In Brunei Darussalam, the National Lymphatic Filariasis Elimination Program has undergone several stages of implementation and review since its launch.

### 6. What is Mass Drug Administration?

Mass Drug Administration (MDA) is the main strategy used in the Lymphatic Filariasis Elimination Program. It involves giving people in at-risk areas a dose of medicine once a year for 4 to 6 years. Each dose includes three different types of medication that work together to lower the number of parasites in the community. If enough people take the medicine every year, mosquitoes can no longer pick up and spread the infection. Over time, the disease fades away. The Transmission Assessment Survey (TAS) is then used to check whether transmission has truly been interrupted.

### 7. What is the Transmission Assessment Survey (TAS-2)?

The Transmission Assessment Survey (TAS-2) is carried out to check whether the National Lymphatic Filariasis Elimination Program has successfully interrupted the transmission of the disease and it is done in schools with Year 1 and Year 2 students.

- 8. Why are children in this age group selected?**  
TAS-2 is conducted on children within this age group because they were born after the last round of MDA was carried out. If the previous MDA was successful, children in this age group should be free from infection. Therefore, if any are found to be positive, it indicates that disease transmission is still occurring within the community.
- 9. How are children selected to take part in TAS-2?**  
Schools and students are selected randomly based on statistical methods set by the WHO. If your child is selected, their participation is very important to the success of this program.
- 10. What is the procedure in TAS-2?**  
TAS-2 will take place in selected schools during school hours on scheduled dates. A small blood sample will be taken from your child's fingertip (finger prick), similar to the way blood sugar tests are done and tested using the Brugia Rapid Test kit. The test results will be available in 20 to 30 minutes.
- 11. How will my child be kept safe and comfortable during the procedure?**  
The procedure is quick, safe, and will be carried out with care. This test will be carried out by trained healthcare personnel, and teachers or school staff will also be present at all times to ensure a comfortable environment and provide support for your child.
- 12. Is parental consent required before the procedure is carried out, and do parents need to be present during the procedure?**  
A signed consent form from a parent or guardian is required before the procedure can take place. No child will be tested without permission. Parents or guardians do not need to be present during the procedure.
- 13. What if my child is unwell or absent on the day TAS-2 is scheduled?**  
If your child is present but feels unwell, they can still participate unless they are significantly ill and are deemed unfit to undergo the procedure. If your child is absent, the Ministry of Health will need to make further adjustments to ensure the required sample size is met.
- 14. Will my child's class sessions or school activities be affected if they participate in TAS-2?**  
Class time or school activities may be affected when TAS-2 takes place. However, the Ministry of Health will collaborate with the school to minimize any disruption to the school schedule.
- 15. What happens if my child's test result is positive?**  
If the test result is positive, the Ministry of Health will contact you to explain the next steps and arrange treatment for your child. In addition, preventive treatment will also be provided to family members and close contacts to ensure there is no risk of transmission.
- 16. What treatment will my child receive?**  
The medications that will be prescribed will be based on WHO guidelines for children of this age. The treatment is typically a short course, and the medications provided are both safe and effective.
- 17. Will my child need follow-up tests or treatment?**  
If the result is negative, no further action is needed. If positive, the necessary follow-up will be arranged to ensure your child receives appropriate support and care.

**18. Will my child's information be kept confidential?**

All information obtained about your child will remain confidential.

**19. How can I obtain further information about TAS-2?**

Please scan the QR code below or go to <https://moh.gov.bn/resources/> to access further information on the Ministry of Health website by searching "Filariasis" or follow Instagram @mohbrunei.

**20. Who can I contact if I have other questions about TAS-2?**

For any enquiries, please contact Talian Darussalam at 123.





كسنترين كصیحتن

KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

**SOALAN-SOALAN LAZIM: PELAKSANAAN PUSINGAN KEDUA *TRANSMISSION ASSESSMENT SURVEY (TAS-2)* DI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 2025**

**1. Apakah penyakit Filariasis Limfatik (LF)?**

Penyakit Filariasis Limfatik (LF) atau lebih dikenali sebagai Penyakit Untut adalah sejenis penyakit bawaan nyamuk yang disebabkan oleh cacing filaria.

**2. Adakah ramai orang dijangkiti penyakit ini?**

LF merupakan masalah kesihatan awam yang serius. Lebih daripada 657 juta orang di seluruh dunia masih berisiko dijangkiti penyakit ini. Di Negara Brunei Darussalam, terdapat beberapa kes penyakit LF dikesan setiap tahun di keempat-empat daerah di negara ini dengan peningkatan jumlah kes di beberapa tahun kebelakangan ini.

**3. Apakah tanda dan gejala LF?**

LF mengganggu sistem limfa dan boleh menyebabkan pembengkakan yang tidak normal pada bahagian tubuh terutama tangan dan kaki. Di antara komplikasi jangkitan penyakit ini termasuk *lymphoedema* (bengkak pada anggota badan) dan *hydrocele* (bengkak di bahagian skrotum) yang boleh membawa kepada kecacatan teruk dan hilang keupayaan kekal. Ini akan memberikan kesan besar kepada kesihatan individu yang terjejas.

**4. Adakah rawatan bagi LF?**

Terdapat ubat khusus bagi LF yang dapat mengurangkan jumlah cacing dalam tubuh badan dan membantu menghentikan penularan jangkitan. Walau bagaimanapun, jika berlaku komplikasi seperti *lymphoedema* atau *hydrocoele*, pembedahan atau penjagaan jangka panjang mungkin diperlukan.

**5. Bolehkah penyakit ini dihapuskan?**

LF boleh dihapuskan. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telahpun memulakan inisiatif global untuk menghentikan penularan penyakit ini melalui beberapa aktiviti termasuk pemberian ubat *Mass Drug Administration (MDA)*. Di Negara Brunei Darussalam, Program Penghapusan Filariasis Limfatik Kebangsaan telahpun menjalani beberapa proses implementasi dan penelitian semenjak ianya dilancarkan.

**6. Apakah yang dimaksudkan dengan *Mass Drug Administration (MDA)*?**

*Mass Drug Administration (MDA)* adalah strategi utama dalam Program Penghapusan Filariasis Limfatik. Ia melibatkan pemberian satu dos ubat sebanyak sekali setahun kepada penduduk yang tinggal di kawasan berisiko, untuk 4 ke 6 tahun. Setiap dos mengandungi tiga jenis ubat yang berfungsi untuk mengurangkan jumlah parasit di dalam komuniti. Jika jumlah penduduk yang mengambil ubat ini mencukupi untuk setiap tahun, penyebaran jangkitan melalui nyamuk akan terbantut. Lama-kelamaan, penyakit ini akan hilang. *Transmission Assessment Survey (TAS)* kemudiannya dijalankan untuk memastikan sama ada penularan penyakit telah tersekat.

**7. Apakah yang dimaksudkan dengan *Transmission Assessment Survey (TAS-2)*?**

*Transmission Assessment Survey (TAS-2)* ialah satu kaedah untuk menilai sama ada Program Penghapusan Filariasis Limfatik Kebangsaan telah berjaya dalam

menghentikan penularan penyakit ini di Negara Brunei Darussalam dan dijalankan ke atas murid-murid Tahun 1 dan Tahun 2.

**8. Mengapa kanak-kanak dalam lingkungan umur ini dipilih?**

TAS-2 dijalankan ke atas kanak-kanak di dalam lingkungan umur ini kerana mereka lahir selepas pusingan terakhir MDA dibuat. Jika MDA yang dibuat sebelum ini berjaya, kanak-kanak dalam lingkungan umur ini sepatutnya bebas daripada jangkitan. Oleh itu, jika ada yang didapati positif, ini menunjukkan bahawa penularan penyakit masih lagi berlaku di dalam komuniti.

**9. Bagaimana proses pemilihan pelajar untuk mengikuti TAS-2 dilakukan?**

Pemilihan sekolah dan pelajar adalah dilakukan secara rambang berdasarkan kaedah statistik yang ditetapkan oleh WHO. Jika anak awda terpilih, penyertaan mereka adalah sangat penting bagi menjayakan program ini.

**10. Apakah prosedur di dalam TAS-2?**

TAS-2 akan dijalankan di sekolah-sekolah terpilih pada waktu persekolahan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Hanya sedikit sampel darah akan diambil dari hujung jari anak awda (*finger prick*) sama seperti kaedah pemeriksaan paras gula dalam darah dan diuji menggunakan peralatan khas *Brugia Rapid Test*. Keputusan ujian akan diketahui dalam masa 20 hingga 30 minit.

**11. Apakah langkah yang diambil untuk memastikan keselamatan dan keselesaan anak saya semasa prosedur dijalankan?**

Prosedur ini cepat, selamat, dan akan dilakukan dengan teliti. Ujian ini akan dijalankan oleh petugas kesihatan yang terlatih dan guru atau kakitangan sekolah juga akan sentiasa hadir untuk memastikan persekitaran yang selesa dan memberikan sokongan bagi anak awda.

**12. Adakah kebenaran ibu bapa diperlukan sebelum prosedur dilakukan dan perlukah ibu bapa hadir semasa prosedur dijalankan?**

Ibu bapa atau penjaga dimestikan untuk menandatangani borang persetujuan sebelum prosedur dijalankan ke atas anak awda. Ujian tidak akan dijalankan tanpa kebenaran dari ibu bapa atau penjaga. Ibu bapa atau penjaga tidak perlu hadir semasa prosedur dijalankan.

**13. Adakah ibu bapa atau penjaga perlu hadir semasa prosedur dijalankan?**

Ibu bapa atau penjaga tidak perlu hadir semasa prosedur dijalankan. Prosedur ini akan dilakukan oleh petugas kesihatan terlatih didalam persekitaran sekolah yang selamat serta mempunyai pengawasan yang teliti.

**14. Bagaimana jika anak saya tidak sihat atau tidak hadir pada hari TAS-2 dijadualkan?**

Jika anak awda hadir sekolah tetapi berasa kurang sihat, mereka masih boleh menyertai kecuali jika mereka mengalami sakit yang serius dan dianggap tidak sesuai untuk menjalani prosedur berkenaan. Jika anak awda tidak hadir, pihak Kementerian Kesihatan perlu membuat penyesuaian selanjutnya bagi memastikan jumlah sampel mencukupi.

**15. Adakah sesi kelas atau aktiviti sekolah akan terjejas jika anak saya mengambil bahagian dalam TAS-2?**

Sesi kelas atau aktiviti sekolah mungkin terganggu semasa prosedur TAS-2 dijalankan. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan akan bekerjasama dengan pihak sekolah untuk mengurangkan gangguan terhadap jadual sekolah.

**16. Apa yang berlaku jika keputusan ujian anak saya didapati positif?**

Jika keputusan ujian positif, Kementerian Kesihatan akan menghubungi awda untuk menerangkan langkah seterusnya dan mengatur rawatan untuk anak awda. Selain itu, rawatan pencegahan juga akan diberikan kepada ahli keluarga dan kontak terdekat untuk memastikan tidak ada risiko penularan.

**17. Apakah rawatan yang akan diterima oleh anak saya?**

Ubat-ubatan yang akan diberikan adalah mengikut garis panduan WHO untuk kanak-kanak dalam lingkungan umur ini. Lanya rawatan jangka pendek yang selamat dan berkesan.

**18. Adakah anak saya memerlukan ujian susulan atau rawatan?**

Jika keputusan adalah negatif, tiada tindakan susulan diperlukan. Jika positif, pihak Kementerian Kesihatan akan memastikan awak anak awda menerima penjagaan yang sewajarnya.

**19. Adakah maklumat anak saya akan dirahsiakan?**

Semua maklumat yang diperolehi mengenai anak awda akan dirahsiakan.

**20. Bagaimana cara untuk saya mendapatkan maklumat lanjut mengenai TAS-2 ini?**

Sila imbas kod QR di bawah atau melalui <http://moh.gov.bn/resources/> untuk mengakses maklumat lanjut di laman sesawang Kementerian Kesihatan dengan menaip "Filariasis" atau ikut instagram @mohbrunei.

**21. Siapakah yang boleh saya hubungi jika saya mempunyai pertanyaan lain mengenai TAS-2?**

Untuk sebarang pertanyaan, awda boleh menghubungi Talian Darussalam di 123.

